



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR  
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR**

---

Bilangan 13 Tahun 2013

**PELAKSANAAN PENGURUSAN KEBAJIKAN PELAJAR UiTM**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Dekan Fakulti, Rektor Kampus Negeri dan Pelajar Universiti Teknologi MARA, berhubung dengan Pelaksanaan Pengurusan Kebajikan Pelajar UiTM.

**PELAKSANAAN**

2. Pengurusan kebajikan pelajar UiTM dilaksanakan melalui Tabung Amanah dan Jawatankuasa Kebajikan yang telah diwujudkan berdasarkan fungsian, punca kuasa dan skop tanggungjawab seperti berikut:

**a. Tabung Kebajikan Pelajar**

- i. Bantuan kepada pelajar yang tidak mempunyai pinjaman atau bantuan kewangan dari organisasi luar
- ii. Pelajar tidak mendapat pinjaman/tajaan dari mana-mana penaja :
  - a. Pelajar perlu memohon pinjaman/tajaan terlebih dahulu sekiranya gagal, pelajar layak memohon tabung kebajikan pelajar
  - b. Mana-mana pelajar yang tidak memohon pinjaman/tajaan (disahkan gagal mendapatkan pinjaman/tajaan) adalah tidak dipertimbangkan bagi bantuan tabung kebajikan pelajar.
- iii. Pendapatan keluarga RM1,500.00 dan ke bawah.
- iv. Permohonan dari pelajar semester 2 dan ke atas (Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sahaja)
- v. Pinjaman wang sebanyak RM500.00 untuk bayaran yuran pengajian

perlu dikembalikan sebelum semester pengajian tamat.

- vi. Pelajar ditimpa bencana alam seperti banjir, ribut, dipanah petir, tanah/ bangunan runtuh, pokok tumbang dan kebakaran layak memohon.
- vii. Pelajar mengalami kecurian barang, samun, rompakan dan kecurian layak memohon (Kes perlu dibuktikan dengan adanya laporan polis).
- viii. Bantuan bayaran tambang perjalanan kematian ibu bapa.
- ix. Kemudahan menghantar pelajar balik menziarahi ibu bapa yang meninggal dunia menggunakan kenderaan luar/kapal terbang :
  - a. Kadar Bayaran :

<b>Tambang Perjalanan Kematian Ibu/Bapa</b>	<b>Kadar Sumbangan (RM)</b>
Pelajar Semenanjung Malaysia	RM100.00
Pelajar dari Negeri Sabah yang belajar di Semenanjung Malaysia	RM400.00
Pelajar dari Negeri Sarawak yang belajar di Semenanjung Malaysia	RM300.00
Pelajar dari Semenanjung Malaysia yang belajar di Negeri Sabah	RM400.00
Pelajar dari Semenanjung Malaysia yang belajar di Negeri Sarawak	RM300.00

- b. Penggunaan kenderaan UiTM untuk tujuan tersebut adalah diatas budi bicara pengurusan kampus masing-masing.

**b. Tabung Kecemasan Pelajar**

Bantuan Pelajar Meninggal Dunia

- i. Maksimun RM7,000.00 bagi pelajar meninggal dunia
- ii. Wang bantuan diberi kepada Ibu/bapa/waris
- iii. Kes kecemasan/kemalangan/kematian selepas waktu pejabat akan diuruskan oleh Pegawai Pembangunan Pelajar (PPP) di kolej kediaman atau PPP Non Resident yang bertugas.

Bantuan Kecederaan

- i. Jumlah pampasan ditentukan mengikut peratus yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tabung Kecemasan

- ii. Skop perlindungan merangkumi kecederaan di dalam kampus, di luar kampus, semasa menjalani latihan praktik dan semasa berada di kampung.

**c. Pengurangan/Pengecualian Yuran Pengajian Pelajar**

- i. Pelajar mesti menduduki sekurang-kurangnya satu semester peperiksaan dengan memperolehi CGPA 2.35 ke atas
- ii. Tiada apa-apa pinjaman atau biasiswa dari mana-mana organisasi/ sumber kewangan lain
- iii. Ibu bapa meninggal dunia
- iv. Ibu bapa hilang upaya
- v. Ibu bapa telah bersara terutama pesara tentera/polis

**d. Bantuan Orang Kelainan Upaya**

- i. Pemohon perlu ada kad orang kelainan upaya
- ii. Bayaran yang diberi RM1,800.00 satu semester
- iii. Bayaran dibuat setiap 3 bulan (RM900.00)
- iv. Bayaran dan sumber peruntukan dari Kementerian Pendidikan Malaysia

Sila berhubung dengan Pegawai di Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kampus/Cawangan masing-masing bagi pengurusan kebajikan pelajar.

**TARIKH DIKELUARKAN**

3. Pekeliling ini dikeluarkan pada 19 Julai 2013

**TARIKH KUAT KUASA**

4. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 19 Julai 2013

**PEMAKAIAN**

5. Pemakaian Pekeliling ini adalah untuk semua pelajar sepenuh masa Universiti Teknologi MARA.

Sekian, Terima kasih.



**PROF. DATO' DR. ABDULLAH MOHAMAD SAID**  
Timbalan Naib Canselor (HEP)

*Dikeliling Kepada:*

1. *Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Naib Canselor*
2. *Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)*
3. *Rektor Kampus Negeri*
4. *Dekan Fakulti*
5. *Pengarah Pembangunan Pelajar HEP*
6. *Timbalan Rektor (HEP) Kampus Negeri*
7. *Timbalan Dekan (HEP) Fakulti*
8. *Ketua Timbalan Pendaftar (HEP)*
9. *Ketua Pusat Kerjaya dan Kaunseling, HEP*
10. *Pengetua-Pengetua Kolej*
11. *Pengurus-Pengurus Asrama Kolej*
12. *Ketua Polis Bantuan UiTM*
13. *Ketua Unit Pengurusan NR (Non Resident)*
14. *Ketua Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar, HEP*
15. *YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)*
16. *YDP Majlis Perwakilan Kolej (JPK), Kolej*

Bil Fail : 100-HEP (UPKP.37/5/1)

Tarikh : 19 Julai 2013